

Ambil alih syarikat besar bukan menyelamatkan sesiapa

13 MAR 2002

SEPANG 28 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tujuan kerajaan mengambil alih beberapa syarikat besar termasuk Penerbangan Malaysia (MAS) bukan untuk menyelamatkan sesiapa tetapi sebaliknya bagi menjamin kepentingan ekonomi negara.

Menurut Perdana Menteri, siasatan polis terhadap kerugian berjuta-juta ringgit dalam urusan niaga kargo MAS juga bukan bermotif memburu individu tertentu.

Sebaliknya, kerajaan ingin memperbetulkan keadaan dalam MAS serta beberapa syarikat besar yang menghadapi masalah terutama hutang kerana kegawatan ekonomi.

“Sebab itu kita ambil alih beberapa syarikat ini iaitu bukan berniat untuk menyelamatkan sesiapa atau kita dapati terdapat penyelewengan dalam syarikat ini.

“Dalam keadaan di mana nilai mata wang dan nilai saham jatuh, semua syarikat menghadapi masalah, di mana jua di negara maju pun kalau nilai saham jatuh, mereka menghadapi masalah terutama tidak dapat menyelesaikan hutang. Sebab itu kerajaan terpaksa mengambil penyelesaian terhadap perkara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sekembalinya daripada bercuti dan lawatan dari luar negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, hari ini.

Perdana Menteri menjelaskan mengenai jawapan yang dibangkitkannya semasa satu forum di London sebelum ini terhadap siasatan polis terhadap penyalahgunaan kuasa dalam MAS.

Baru-baru ini, polis menyiasat MAS berhubung kerugian berjuta-juta ringgit dalam urusan niaga kargo semasa Tan Sri Tajuddin Ramli menjadi pengerusi eksekutif.

Siasatan yang dikendalikan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Perdagangan Bukit Aman itu telah dilakukan sejak Januari lalu berikutan aduan yang dibuat oleh pengurusan baru MAS sekarang.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, syarikat-syarikat besar termasuk MAS sebenarnya mempunyai aset mencukupi tetapi kerajaan tidak boleh menjual aset berkenaan pada waktu ini untuk membayar hutang.

Penyelewengan

Sebaliknya, kerajaan yakin dalam waktu sederhana, aset-aset ini mampu dijual sama ada menerusi penjualan syarikat atau melalui kenaikan nilai saham.

“Ini semua dalam perkiraan pihak kerajaan,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, beliau tidak menyalahkan mana-mana pihak dalam kes kerugian berjuta-juta ringgit urusan niaga kargo MAS.

Tegasnya, jika pun didapati cukup bukti ada penyelewengan dalam kes berkenaan, itu terpulang kepada keputusan MAS untuk membuat laporan mengenainya.

“Sekarang, kita cuma menunggu keputusan penyelidikan yang akan dijalankan.

“Ini bukan satu usaha untuk menjatuhkan sesiapa kerana buat sesuatu yang salah dari segi

jenayah tetapi dalam keadaan kegawatan ekonomi, mereka sukar menghadapi tekanan.

Tegasnya: “Kalau ada sesiapa buat salah, itu adalah dalam bidang penguat kuasa undang-undang tetapi bagi kerajaan, tujuan kita adalah untuk menyelamatkan syarikat-syarikat gergasi yang mempunyai peranan besar dalam bidang ekonomi.

“Ini termasuk yang memberi peluang pekerjaan kepada ramai rakyat”.

Menurut Perdana Menteri, beliau terpaksa menjelaskan perkara ini kerana apa yang dibanjarnya dalam suratkhbar, ia telah cuba disensasikan.

Sebab itu, kerajaan perlu menyelesaikan masalah ini untuk menjamin kepentingan rakyat dan negara.

Mengulas lanjut, beliau berkata, hakikatnya semua ahli perniagaan berhubungkait dengan kerajaan dan pada masa sama, kerajaan sedang menghasilkan usahawan-usahawan bumiputera yang berjaya.

“Kita adalah rakan kepada usahawan bumiputera tidak kira dia usahawan kecil atau besar. Malangnya, ada pihak terutama media asing gemar menamakan orang ini kononnya sebagai kroni kerajaan.

“Tetapi kalau kita tak buat ini, takkan ada usahawan bumiputera yang berjaya. Dan kelak, akan timbul dakwaan kita mendiskriminasikan usahawan bumiputera,” katanya.